

DERMAID CREAM 0.5%w/w

Hydrocortisone 0.5 %w/w

KANDUNGAN RISALAH INI

1. Apakah kegunaan DermAid Cream 0.5%w/w
2. Bagaimana DermAid Cream 0.5%w/w berfungsi
3. Sebelum menggunakan DermAid Cream 0.5%w/w
4. Cara menggunakan DermAid Cream 0.5%w/w
5. Semasa menggunakan DermAid Cream 0.5%w/w
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DermAid Cream 0.5%w/w
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang pendaftaran produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

APAKAH KEGUNAAN DERMAID CREAM 0.5%w/w

- Untuk melegakan dermatitis atau ekzema yang tidak dijangkiti, gatal-gatal ruam yang merengsa atau dermatitis sentuhan alahan dan gatal-gatal kawasan vulva dan dubur.

BAGAIMANA DERMAID CREAM 0.5%w/w BERFUNGSI

- Mengandungi hidrokortison terlarut 0.5%w/w
- Hydrocortisone adalah agen anti-radang. Penggunaan topikal kortikosteroid sering menghasilkan penindasan dramatik penyakit kulit di mana keradangan adalah ciri yang menonjol.

SEBELUM MENGGUNAKAN DERMAID CREAM 0.5%w/w

Bila tidak boleh menggunakan

Produk ini tidak sesuai digunakan oleh individu yang mempunyai alahan terhadap sebarang bahan-bahan kandungan dalam produk ini;

jangkitan kulit virus termasuk vaccinia, cacar air dan herpes; jangkitan kulit seperti sariawan, tinea dan kurap; jangkitan kulit bakteria seperti impetigo dan bisul; tuberkulosis kulit dan gangguan kulit sifilis.

Produk ini tidak boleh digunakan pada kulit yang dijangkiti, jerawat atau penyakit virus pada kulit seperti kudis selesema dan cacar air, di bawah pembalut bertutup atau pada kanak-kanak di bawah 2 tahun kecuali di bawah pengawasan perubatan.

Sebelum mula menggunakan

Sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan produk ini.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Setakat ini tiada laporan masalah jika produk ini digunakan bersama ubat-ubat lain.

CARA MENGGUNAKAN DERMAID CREAM 0.5%w/w

Sapukan sedikit pada kulit yang terjejas 1 hingga 3 kali sehari.

SEMASA MENGGUNAKAN DERMAID CREAM 0.5%w/w

Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan terkena mata. Jangan gunakan pada kulit yang dijangkiti, jerawat atau penyakit kulit virus. Untuk kegunaan luar sahaja. Jika kerengsaan berlaku, basuh kawasan yang terjejas dan hentikan penggunaan.

Jika simptom berterusan, rujuk kepada pengamal penjagaan kesihatan anda.

KESAN-KESAN SAMPINGAN

Rasa pedih yang sedikit kadang-kadang boleh diperhatikan. Gejala sementara ini berkemungkinan besar akan hilang selepas beberapa aplikasi. Kesan sampingan lain mungkin termasuk gatal-gatal, kemerahan, alahan dan penipisan kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Cosumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN DERMAID CREAM 0.5%w/w

Cara penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhkan daripada kanak-kanak.

Cara pelupusan

DermAid Cream 0.5%w/w tidak patut dibuang dengan sisa-sisa buangan isi rumah. Sila merujuk kepada ahli farmasi anda untuk cara-cara pelupusan DermAid Cream 0.5%w/w yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna produk

DermAid Cream 0.5%w/w adalah krim berwarna putih dalam tiub bersaiz 15g.

DERMAID CREAM 0.5%w/w

Hydrocortisone 0.5 %w/w

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:

Hydrocortisone

Bahan-bahan tidak aktif:

Water Purified, Cetomacrogol 1000,
Propylene Glycol, Cetyl Alcohol,
Macrogol 400, Benzyl Alcohol,
Cetostearyl Alcohol, Glyceryl
Monostearate.

Nombor Pendaftaran

Malaysia (MAL No.)

MAL19990989AZ

PENGILANG

Ego Pharmaceuticals Pty Ltd
13-31 Malcolm Road,
Braeside, 3195
Australia

PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK

Ego Pharm Malaysia Sdn Bhd
1-6 Block A, Jaya One,
72A Jln Prof Diraja Ungku Aziz,
46100 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

TARIKH KEMASKINI RIMUP

12/4/2022

NOMBOR SIRI

NPRA(R2/1)220408/867